

17/03/1998

Luong tiba untuk lawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Vietnam, Tran Duc Luong tiba di sini petang ini untuk lawatan rasmi tiga hari, lawatan pertama oleh ketua negara itu sejak Malaysia dan Vietnam menubuhkan hubungan diplomatik pada tahun 1973.

Lawatan Luong itu, bertujuan meningkatkan hubungan dua hala antara dua negara Asia Tenggara dan juga membalas lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ke Vietnam pada 1995.

Ketibaan pemimpin Vietnam itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah disambut pemangku Menteri Luar, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed yang turut bertindak sebagai Menteri Pengiring.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekarang berada di Qatar menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Luong diiringi delegasi seramai 35 orang mengandungi beberapa orang menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Turut hadir Duta Malaysia ke Vietnam, Zainal Abidin Zin, dan Duta Vietnam ke Malaysia Hoang Nhu Ly serta pegawai kanan kerajaan.

Luong kemudiannya dibawa ke Dataran Parlimen untuk upacara sambutan rasmi dan disambut oleh Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau memeriksa barisan penghormatan oleh 107 pegawai dan anggota Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai Mejar Romai Nor Mohamed dengan diiringi tembakan meriam 21 das.

Luong akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir hari ini mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Pada majlis santapan negara malam ini, Seri Paduka berharap negara Asean berganding bahu dalam usaha meningkatkan kerjasama untuk membendung kesulitan ekonomi dan kewangan.

(END)